

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 25 JULAI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 13

### Harga barang terus bebankan rakyat

# Harga barang terus bebankan rakyat

---

**Nur Mawaddah  
Zainon,**  
Universiti Sains  
Islam Malaysia

---

**Kebelakangan** ini kita selalu membaca rungutan kenaikan harga barang sama ada di media sosial atau akhbar.

Mengikut data Jabatan Perangkaan Malaysia pada November 2022, harga makanan dan minuman meningkat 7.3 peratus berbanding 7.1 peratus bulan sebelumnya dengan kadar inflasi empat peratus disebabkan kenaikan harga makanan, terutama berasaskan ayam dan tepung.

Justeru, pada 2023, kos barangan dan makanan diramal naik lebih 10 peratus berikutan jangkaan inflasi cecah enam hingga tujuh peratus.

Kerajaan perlu mengambil langkah lebih tegas menguatkuasakan undang-undang. Tingkat peman-tauan atau sediakan medium rakyat melaporkan sebarang kenaikan harga di kawasan mereka.

Apatah lagi terdapat sesetengah pihak yang gemar melakukan monopoli barangan kerana ingin mengaut keuntungan berlebihan. Misalnya, mereka akan menyimpan stok barangan dengan harapan pihak berkuasa akan membuat satu ketetapan harga bagi barangan terbabit.

Isu kenaikan harga barang perlu diatasi dengan baik dan semua pihak perlu memberi perhatian serta kerjasama.